

MENANGANI REAKSI AWAL PELAKSANAAN CBP

Sejarah tercipta pada 1 April lalu apabila Malaysia menjadi salah sebuah negara di dunia yang melaksanakan sistem cukai barangan dan perkhidmatan (CBP). Pelbagai reaksi diterima oleh kerajaan sejak bermulanya sistem percukaian CBP dan hal itu sememangnya dijangka oleh kerajaan dengan mengambil iktibar daripada reaksi rakyat di negara lain.

ROHAMI SHAFIE

Pensyarah Kanan Perakaunan/Pusat Pengajian Perakaunan (SOA),
Kolej Perniagaan (COB), Universiti Utara Malaysia.

YANG berbeza, di Malaysia terdapat pandangan yang menyatakan bahawa CBP haram. Sebagai negara Islam, perkara tersebut dijelaskan oleh kerajaan dengan menyatakan bahawa pelaksanaan CBP harus mengikut syarak. Hal ini berdasarkan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-106, yang bersidang pada 21 Oktober hingga 22 Oktober 2014. Keputusan dibuat setelah mengambil kira pembentangan dan laporan penyelidikan yang dikemukakan oleh penyelidik dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Selain isu hukum terhadap pelaksanaan CBP, terdapat juga pelbagai isu lain yang timbul setelah CBP dilaksanakan.

Pada hari pertama pelaksanaan CBP, iaitu pada 1 April lalu, terdapat kira-kira 3000 panggilan diterima oleh Pusat Panggilan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDRM), manakala 419 aduan diterima oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Kebanyakan aduan yang diterima oleh kedua-dua pihak berkuasa berkenaan melibatkan kad tambah nilai prabayar, iaitu 33 peratus daripada keseluruhan aduan. Isu kad prabayar telefon yang dikenakan CBP berakhir dengan pengumuman kerajaan bahawa pengguna akan memperoleh enam peratus tambahan masa berbual dan pesanan ringkas. Dengan kata lain, situasi menang-menang diperoleh bukan setakat nasib peniaga dibela, tetapi turut mengambil kira nasib pengguna. Selain itu, aduan melibatkan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan, iaitu



Pengguna perlu bijak berbelanja untuk mengelakkan masalah kewangan.



1 APRIL 2015

Tarikh pelaksanaan
CBP di Malaysia.

berkenaan dengan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 juga antara aduan yang paling banyak diterima oleh JKDRM dan KPDNKK.

Bagi memastikan operasi CBP dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, sebanyak 6000 orang petugas JKDRM dan KPDNKK dikerah untuk melaksanakan pemantauan dan sebanyak 51 buah premis peniagaan dikesan menipu pelanggan. Kebanyakan penipuan melibatkan penipuan menggunakan CBP terhadap produk sifar CBP dan tidak mengurangkan Cukai jualan dan perkhidmatan (CJP) terhadap produk CBP.

ctr. no :0000574761

ECO 2015/A11

Terdapat juga perkhidmatan yang tidak sepatutnya dikenakan CBP, misalnya kedai gunting rambut yang diketahui hasilnya tidak mencecah RM500 ribu setahun. Tambahan pula, tidak ada resit dikeluarkan bagi peniaga yang mengenakan CBP. Tidak kurang juga resit atau inivos cukai dikeluarkan, tetapi bertulis tangan dan tidak mempunyai nombor pendaftaran CBP yang terdiri daripada 12 digit.

Terdapat juga peniaga yang tidak memahami CBP yang menyebabkan semua produk yang dijual dikenakan CBP. Walhal CBP yang dikenakan perlu diserahkan kepada kerajaan melalui JKDRM. Tanpa sebarang bukti kutipan yang ditunjukkan melalui resit atau inivos cukai, maka wang kutipan tersebut bakal masuk ke dalam "poket" peniaga. Bagi peniaga yang tidak mendaftarkan CBP, sekiranya terbukti mereka mengenakan CBP terhadap pengguna, mereka bakal berhadapan dengan denda sebanyak RM30 ribu atau dua tahun penjara atau kedua-duanya sekali. Dalam hal ini, JKDRM bertindak memfailkan kertas siasatan untuk mengambil tindakan susulan terhadap peniaga yang melakukan kesalahan berkenaan dengan CBP.

Pada hari kedua CBP dilaksanakan, lebih banyak aduan diterima, manakala sebanyak 7630 buah premis perniagaan diperiksa oleh pihak JKDRM dan KPDNKK. Malah direkodkan juga, pada hari kedua CBP, sebanyak 12 orang pelancong asing membuat tuntutan balik CBP yang dibayar oleh mereka sepanjang berada di Malaysia. Lebih menarik apabila kebanyakan peniaga mula menguar-uarkan bahawa harga produk mereka kekal sama sebagaimana sebelum CBP dilaksanakan. Tidak terkecuali, harga makanan di kantin sekolah juga kekal sama.



Pendirian kerajaan berhubung dengan pelaksanaan CBP menerima pelbagai reaksi daripada orang ramai.

33 PERATUS

daripada keseluruhan aduan yang diterima oleh Pusat Panggilan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDRM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), melibatkan kaid tambah nilai prabayar.

39

buah syarikat menyertai kempen menurunkan harga barangan bagi memastikan harga produk mereka kekal sama sebagaimana sebelum CBP dilaksanakan.

Bagi pelabur institusi seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), awal-awal lagi mengambil keputusan mengumumkan bahawa ahli mereka tidak dikenakan CBP bagi sebarang pengeluaran. Begitu juga Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri yang menyatakan bahawa dana bagi jualan balik dan lebih bayaran cukai pendapatan yang dipulangkan kepada pembayar cukai tidak dikenakan CBP. Hal ini mampu menjawab salah faham yang disebarkan oleh pihak tertentu mengenai CBP terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh mereka.

Pada ketika rakyat dibelenggu dengan harga barangan dan perkhidmatan yang terpaksa dinaikkan ekoran pelaksanaan CBP, masih ada produk yang mengalami penurunan harga. Misalnya, syarikat automotif mengumumkan penurunan harga kenderaan mereka. Sebanyak empat peratus dikurangkan berbanding dengan 10 peratus CJP yang dikenakan sebelum ini. Tidak cukup dengan itu, bagi membela nasib pengguna di negara ini, sebanyak 39 buah syarikat menyertai kempen menurunkan harga barangan. Mereka berikrar untuk menyerap CBP bagi memastikan harga produk mereka kekal sama sebagaimana sebelum CBP dilaksanakan. Kempen tersebut turut melibatkan 487 879 jenis produk yang dijual di 1329 buah premis perniagaan di seluruh negara. Kerajaan juga menyarankan agar institut memandu menyerap CBP yang dikenakan terhadap calon yang mengambil lesen memandu. Kerajaan turut bercadang menambah senarai produk yang tidak dikenakan CBP terutamanya produk yang berkaitan dengan perubatan dan kesihatan agar dapat membantu rakyat mengurangkan kos perubatan.



Segelintir masyarakat masih lagi tidak memahami kepentingan CBP yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk kemajuan negara.

Hak pengguna juga dibela agar tidak sewenang-wenangnya ditipu oleh peniaga. Misalnya, dengan membantu pengguna menyemak harga sebelum dan selepas CBP dilaksanakan. Pengguna boleh menggunakan aplikasi harga barang, MyKira GST. Selain itu, KPDNKK Pahang turut menyarankan agar wang pengguna dikembalikan kepada mereka sekiranya berlaku ksilapan urus niaga. Peniaga diberi masa sehingga 30 April untuk memulangkan semula cukai berkenaan kepada pengguna. Pengguna pula disarankan membawa resit pembelian dan mengemukakan kepada kedai yang terlibat bagi menuntut kembali wang mereka.

Selang beberapa hari CBP dilaksanakan, isu caj perkhidmatan yang dikenakan oleh hotel dan restoran mula kedengaran. Isu ini timbul apabila caj perkhidmatan juga dikenakan CBP. Begitu pun, tiada undang-undang yang boleh mengawal selia caj perkhidmatan tersebut. Dengan kata lain, pihak pemberi perkhidmatan sewenang-wenangnya mengenakan caj perkhidmatan dengan alasan bahawa kutipan caj perkhidmatan tersebut akan disalurkan kepada pekerja mereka. Lantaran itu, timbul banyak bantahan daripada pengguna dan badan bukan kerajaan (NGO) dengan mempersoalkan sejauh manakah caj perkhidmatan tersebut benar-benar disalurkan kepada pekerja atau lebih ke arah menguntungkan majikan itu sendiri?

Tidak mahu menunggu lama, akhirnya kerajaan menubuhkan jawatankuasa caj perkhidmatan bagi menangani isu ini. Akhirnya, setelah 22 hari CBP dilaksanakan, kerajaan bersetuju bahawa pihak pemberi perkhidmatan mengenakan caj perkhidmatan terhadap pengguna dengan syarat mereka mestilah mempunyai perjanjian bersama-sama (CA) atau kontrak pekerjaan antara majikan dengan pekerja. Selain itu, sebagai mengambil kira bantahan berhubung dengan isu tersebut, kerajaan turut membuat keputusan untuk mempertimbangkan garis panduan caj perkhidmatan agar dikawal oleh pihak berkuasa pada masa akan datang.

Selain pelbagai isu melibatkan peniaga, terdapat juga pihak yang mengambil kesempatan menyamar sebagai pihak berkuasa JKDRM untuk merompak pasar raya di

Kampung Tengah, Kuantan, Pahang. Kejadian tersebut membuka mata JKDRM dengan mengeluarkan amaran terhadap peniaga agar lebih berwaspada supaya tidak ditipu oleh pegawai palsu yang bermotifkan jenayah. Menurut JKDRM, pegawai operasinya dibekalkan kad kuasa dan memakai pakaian seragam khas bagi membolehkan peniaga mengenal pasti pegawai sah yang menjalankan operasi CBP.

Yang menariknya, sebaik-baik CBP dilaksanakan, timbul kesedaran dalam kalangan pengguna untuk mengambil tahu setiap harga produk dan perkhidmatan yang tertera pada resit pembelian yang dibuat. Kesedaran tersebut mampu menjadikan rakyat di negara ini lebih peka terhadap setiap perbelanjaan, sekali gus memastikan agar tidak ada peniaga yang sewenang-wenangnya mengambil kesempatan terhadap CBP. Situasi tersebut mencerminkan bahawa CBP memberikan kesedaran terhadap pengguna untuk menegakkan hak mereka. Lebih-lebih lagi CBP memberikan impak terhadap corak perbelanjaan pengguna. Maka tidak hairanlah CBP digunakan oleh pihak tertentu sebagai modal politik untuk meraih undi semasa pilihan raya kecil (PRK) Parlimen Rompin dan Pematang Pauh berlangsung.

Dalam hal ini, kerajaan perlu bertindak dengan segera bagi memberikan penerangan secara berterusan dan pada masa yang sama, mengambil peduli setiap aduan yang dibuat oleh rakyat Malaysia. Selain itu, tindakan tegas perlu dikenakan terhadap peniaga yang sengaja menipu pengguna. Setiap aduan perlu diteliti dan peniaga yang didapati menipu pengguna perlu dikenakan hukuman dengan kadar yang segera. Hal ini bagi membuktikan bahawa kerajaan mampu mengurus reaksi pengguna terhadap pelaksanaan CBP secara berhemah dan sebaik-baik mungkin.

Dengan mengurus reaksi pengguna, maka sistem percutaan CBP akan lebih teratur dan kérésahan serta kemarahan pengguna mampu diredakan. Pastinya untuk tempoh masa yang panjang CBP mampu memberikan impak positif yang cukup besar kepada semua pihak, terutamanya kepada rakyat Malaysia. ■